

13 OCT 2001

Mustapa-Bantahan

JANGAN MELULU DALAM MENYUARAKAN BANTAHAN TERHADAP AMERIKA

JELI, 13 Okt (Bernama) -- Rakyat Malaysia tidak perlu mengambil tindakan melulu termasuk berdemonstrasi di jalan raya sebagai membantah serangan Amerika Syarikat di Afghanistan.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed berkata rakyat perlu bersabar dan menyerahkan kepada kerajaan bagi menangani masalah itu.

"Kerajaan mempunyai saluran diplomatik melalui Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad), melalui Wisma Putra, Insyaallah kita akan dapat menangani masalah ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Operasi Khidmat Masyarakat "Harumnya Namamu" Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Kampung Ayer Canal di sini, hari ini.

Mustapa yang juga Ketua Penerangan Umno berkata demikian ketika ditanya mengenai kira-kira 2,000 penyokong PAS berhimpun di perkarangan Kedutaan Amerika Syarikat di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur semalam sebagai membantah serangan Amerika Syarikat di Afghanistan.

Beliau berkata kerajaan tidak bersetuju dengan tindakan mana-mana pihak yang boleh menimbulkan keadaan yang tidak tenteram, boleh mencetuskan keresahan dan kebimbangan kepada rakyat serta tindakan yang mengancam keselamatan.

"Rakyat Malaysia tidak perlu mengambil tindakan di luar batas undang-undang kerana boleh menimbulkan banyak masalah lain. Kita tak mahu ada mana-mana pihak ambil kesempatan politik daripada peristiwa ini," katanya.

Mustapa berkata pendirian Malaysia terhadap serangan Amerika di Afghanistan adalah jelas iaitu Amerika perlu kemukakan bukti bahawa yang terlibat itu adalah Taliban dan jika jutawan Arab Saudi Osama bin Laden yang terlibat maka yang patut diburu adalah beliau dan bukannya menghukum orang awam yang tidak berdosa.

"Kita (Malaysia) bersimpati dengan orang awam yang dikenakan tekanan akibat serangan Amerika Syarikat. Kita bersimpati dengan pelarian Afghanistan," katanya.

Sementara itu, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UiTM Datuk Dr Sahol Hamid Abu Bakar yakin penuntut universiti berkenaan tidak akan terbabit dalam mana-mana demonstrasi membantah serangan Amerika di Afghanistan.

"Setakat ini tak ada apa pun, penuntut pun rasa lebih tenang, kalau ada orang suruh pun rasa tak jadi, UiTM ini lain sikit bukan mudah nak dengar cakap orang," katanya.

Beliau berkata UiTM mempunyai peraturan melarang penuntutnya daripada terlibat dalam kegiatan yang tidak sihat dan pihak universiti sentiasa memantau kegiatan penuntut.

"Mereka datang untuk belajar, nanti apabila mereka telah jadi graduan, mereka nak buat-buatlah. Tetapi sekarang tumpukan sepenuhnya kepada pelajaran, serahkan kepada kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

BD PR